

21 JUN 2001

Umno-Perasmian

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-55 BERMULA DENGAN UPACARA NAIK BENDERA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno ke-55 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini bermula pagi ini dengan upacara tradisi menaikkan bendera parti oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum itu Dr Mahathir memeriksa perbarisan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno.

Upacara yang berlangsung di Dataran Umno itu turut dihadiri pemimpin dan anggota parti.

Terdahulu ketibaan Perdana Menteri pada kira-kira pukul 9 pagi disambut oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta barisan anggota Majlis Tertinggi Umno.

Perhimpunan agung kali ini disertai 2,027 anggota perwakilan dari seluruh negara. Sebanyak 164 bahagian menghantar perwakilan masing-masing ke perhimpunan kali ini. Bahagian Kuantan tidak menghantar wakil kerana persidangan perwakilannya masih ditangguh.

Majlis perasmian bagi perhimpunan tiga hari yang akan berakhir Sabtu ini turut dihadiri wakil kelab-kelab Umno luar negeri serta 40 pemerhati pertubuhan dan parti politik dalam dan luar negara.

Ucapan dasar Dr Mahathir di Dewan Merdeka akan diikuti dengan perbahasan oleh wakil-wakil badan perhubungan Umno negeri, Pemuda dan Wanita dan Kelab Umno.

Usul-usul yang akan dibahaskan ialah ucapan Dasar Presiden, agama, pendidikan dan ekonomi.

Malam ini Dr Mahathir akan mengadakan jamuan Presiden di Dewan Pameran Tun Razak, PWTC bagi meraikan perwakilan.

Amanat Dr Mahathir disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM.

-- BERNAMA

RV RON RON